



**BAHAGIAN PELESENAN**  
**JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**  
**MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN**  
**(LESEN KOMPOSIT)**

**BILA DIKUATKUASA/EDISI GARIS PANDUAN**

APRIL 2021

## **1. PENGENALAN / LATAR BELAKANG.**

GARIS PANDUAN INI DISEDIAKAN BERTUJUAN UNTUK MEMUDAH CARA SERTA MEMBERI PANDUAN KEPADA MASYARAKAT KHUSUSNYA GOLONGAN PENIAGA DALAM PROSES PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT PERATURAN DAN STANDARD YANG DITETAPKAN.

BAHAGIAN PELESENAN BERPERANAN UNTUK MELESENKAN PERNIAGAAN DI KESELURUHAN KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR.

## **2. PUNCA KUASA**

PERUNDANGAN : AKTA ENAKMEN /ORDINAN/PERATURAN/KAEDAH/UNDANG UNDANG KECIL.

- ❖ AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)
- ❖ UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED,PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MBAS) 2010
- ❖ UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISHMENT MAKANAN (MPKS ) 1989
- ❖ UNDANG UNDANG KECIL IKLAN (MBAS ) 2010
- ❖ UNDANG UNDANG KECIL HOTEL (MBAS) 2010
- ❖ UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN (PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH 2019

## **3. OBJEKTIF PELESENAN**

- ❖ MELESENKAN SEMUA JENIS DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
- ❖ MENGAWAL AKTIVITI PERNIAGAAN SUPAYA SELARAS DENGAN KEHENDAK UNDANG-UNDANG

## **4. MAKLUMAT PEGAWAI / JABATAN UNTUK DIHUBUNGI**

- ❖ BAHAGIAN PELESENAN  
JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN, MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR.

ARAS 2 ,BANGGUNAN UTC  
JALAN KOLAM AIR ,05675 ALOR SETAR  
KEDAH DARULAMAN  
TEL : 04-7330867 (887), 04-7351861

## 5. SKOP PELESENAN

JENIS-JENIS LESEN YANG DIKELUARKAN OLEH BAHAGIAN PELESENAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR ADALAH SEPERTI BERIKUT.

### ❖ LESEN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

SEMUA JENIS PREMIS TRED, PERNIAGAAN, PERINDUSTRIAN, PERUSAHAAN, PERKHIDMATAN, PENGAJIAN, PENDIDIKAN, HIBURAN, KEWANGAN, DAN PELANCONGAN.

### ❖ LESEN IKLAN

IKLAN MERUJUK KEPADA PEMBERITAHUAN, POSTER, PAPAN TANDA, TANDA TUNJUK ARAH, PENGUMUMAN ATAU PENERBITAN YANG DIPAMERKAN BAGI MAKSUD MEMBERITAHU ORANG RAMAI MENGENAI APA-APA BARANG, KELUARAN, PENGELUARAN, PERDAGANGAN, PERNIAGAAN, PROFESSION, FIRMA, PERTUBUHAN, ORGANISASI, INSTITUSI, TEMPAT, PREMIS, ACARA, AKTIVITI ATAU APA-APA PERKARA ATAU MAKLUMAT LAIN.

IKLAN INI TERMASUKLAH YANG DIPAMERKAN DI DINDING ADANG, PAPAN, PAPAN IKLAN, SEPANDUK, ATAP DINDING, PAGAR PANCANG, PAGAR, RANGKA, PLET, KAIN, JERJI, TIANG, DAWAI, BINGKAI, KENDERAAN, PAPAN ELEKTRONIK, HOLOGRAM, MENARA SETIANG ATAU DENGAN MENGGUNAKAN CAHAYA LASER ATAU APA-APA STRUKTUR ATAU REKAAN LAIN ATAU MANA-MANA BAHAGIAN STRUKTUR ATAU REKAAN LAIN ITU,

IKLAN JUGA MERANGKUMI YANG TERLETAK DI ATAS DAN DI DALAM BANGUNAN, JALAN, TEMPAT PERANGINAAN AWAM ATAU MANA-MANA TANAH DAN TERMASUKLAH TANDA LANGIT, BELON, BANTING, SEPANDUK, POSTER, TANDA ARAHAN DAN PAPAN TANDA.

### ❖ LESEN KEDAI KOPI KEDAI MAKAN

SEMUA JENIS PREMIS SEPERTI KEDAI KOPI, KEDAI MAKANAN DAN MINUMAN, RESTORAN, KAFE DAN KANTIN YANG MENJUAL MAKANAN.

### ❖ LESEN ESTABLISHMEN MAKANAN

SEMUA JENIS PREMIS YANG MENYEDIAKAN, MENGILANG, MEMBUNGKUS, MENYIMPAN BAHAN MAKANAN.

### ❖ LESEN HOTEL DAN RUMAH TUMPANGAN

SEMUA JENIS RUMAH TUMPANGAN DAN HOTEL.

## **6. SYARAT ASAS PERMOHON**

PEMOHON HENDAKLAH WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS. SEMUA PERMOHONAN HENDAKLAH MENGGUNAKAN BORANG PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT. PEMOHON DIKEHENDAKI MENGISI BORANG PERMOHONAN DENGAN LENGKAP DAN MENYERTAKAN DOKUMEN ASAS DAN DOKUMEN TAMBAHAN JIKA BERKAITAN.

BAGI SYARIKAT SDN BHD / BERHAD, PEMOHON MESTILAH SALAH SEORANG DARIPADA AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG MANA NAMA TERSEBUT TERDAPAT DI DALAM BORANG 49.

BAGI PERNIAGAAN TUNGGAL / PERKONGSIAN, PEMOHON MESTILAH RAKAN KONGSI UTAMA ATAU RAKAN KONGSI YANG MANA NAMA TERSEBUT TERDAPAT DALAM BORANG A ATAU BORANG B ATAU YANG SETARAF.

BAGI PERTUBUHAN/PERSATUAN/KESATUAN/INSTITUSI PERCETAKAN/KOPERASI, PEMOHON MESTILAH INDIVIDU YANG MEMEGANG JAWATAN TERTINGGI DALAM BADAN/ORGANISASI TERSEBUT.

BORANG PERMOHONAN HENDAKLAH DISERAHKAN DI KAUNTER BAHAGIAN PELESENAN. HANYA PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA YANG AKAN DITERIMA DAN DIPROSES.

## 7. BILA PERLU DIPOHON

PERMOHONAN LESEN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN DAN MENDAPAT KELULUSAN SEBELUM MEMULAKAN OPERASI PERNIAGAAN

## 8. KAEDAH PERMOHONAN

PEMOHON HENDAKLAH HADIR SENDIRI KE BAHAGIAN PELESENAN MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR UNTUK MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN LESEN.

PEMOHON BOLEH MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN DARIPADA LAMAN WEB MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR DI <http://www.mbas.gov.my>

BORANG PERMOHONAN DAN DOKUMEN YANG LENGKAP HENDAKLAH DISERAHKAN DI KAUNTER BAHAGIAN PELESENAN. PEMOHON AKAN DIBERIKAN AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN SEBAGAI RUJUKAN.

## 9. PIAGAM PELANGGAN (PROSES KERJA UTAMA DAN TEMPOH PEMROSESAN)

PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT INI TERBAHAGI KEPADA DUA KATEGORI, IAITU LESEN BERISIKO DAN LESEN TIDAK BERISIKO.

- ❖ LESEN KATEGORI BERISIKO
  - TEMPOH PEMROSESAN LESEN ADALAH 30 HARI WAKTU BEKERJA
- ❖ LESEN KATEGORI TIDAK BERISIKO
  - TEMPOH PEMROSESAN LESEN 24 JAM

## 10. KEPERLUAN PEMATUHAN SEBELUM PERMOHONAN

PEMOHON HENDAKLAH MENYEDIAKAN DOKUMEN ASAS DAN DOKUMEN TAMBAHAN (YANG BERKAITAN) SEBELUM PERMOHONAN DIBUAT.

<b>DOKUMEN ASAS YANG PERLU DISERTAKAN</b>
Salinan kad pengenalan pemohon.
Foto pemohon berukuran passport yang terkini (3 keping).
Salinan Daftar Perniagaan (SSM) / Memorandum Syarikat (Form 9, 24,49).
Salinan Perjanjian Jualbeli / salinan perjanjian sewa bangunan diantara pemilik bangunan dan penyewa yang dimatikan setem.
Salinan bil cukai pintu yang terkini
Salinan resit pembelian alat pemadam api (dikeluarkan oleh Jabatan Bomba).
Salinan resit pembelian peti kecemasan
Gambar premis perniagaan (Luar dan dalam).
Plan ukuran ruang lantai premis perniagaan.
Plan lokasi premis.
Foto / lakaran setiap papan iklan dan lokasi papan iklan akan dipamerkan.
Plan struktur daripada Jurutera / Arkitek bertauliah baik iklan yang melebihi 11 meter persegi.
Bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kawalan Bangunan MBAS (Salinan permit kelulusan bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan)
Bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perancang (Salinan Kebenaran Merancang / Kebenaran Merancang Terhadap dari Jabatan Perancang)
Dokumen-dokumen sokongan (Lampiran A)

**DOKUMEN TAMBAHAN DIPERLUKAN SEKIRANYA MELIBATKAN AKTIVITI PERNIAGAAN SEPERTI BERIKUT :**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI PERNIAGAAN</b>	<b>DOKUMEN TAMBAHAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN</b>
1.	Pusat Snooker / Billiard / Mesin Video Dewan Muzik / Pusat Hiburan Keluarga / Bowling Pub/Bar/Lounge/Karaoke/Disko	Salinan Lesen Hiburan Awam Dari Pejabat Daerah
2.	Rumah Bir Jual / Menyimpan Minuman Keras (Borong / Runcit)	Kelulusan Setiausaha Kerajaan Tempatan (SUK)
3.	Kedai Tuak	Pejabat Kastam
4.	Lesen Pameran Kereta Terpakai Lesen Menyimpan Barang Buruk / Terpakai	Salinan Permit Barang Luluh / Terpakai Dari Ibu Pejabat Polis
5.	Sekolah Persendirian (Tadika / Pusat Tuisyen / Pusat Komputer / Pusat Bahasa / Pusat Kemahiran / Kelas Perdagangan dan lain-lain aktiviti di bawah Akta Pelajaran)	Perakuan Pendaftaran dari Unit Pendidikan Swasta, Jabatan Pelajaran
6.	Taska Pusat Jagaan Kanak-kanak	Pendaftaran Taska dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Salinan sijil kursus pengendalian makanan Salinan kad suntikan TY2 Sijil Halal daripada JAKIM (jika perlu)
7.	Menjual Tiga / Empat Nombor Ekor / Tiket TOTO	Kementerian Dalam Negeri
8.	Pengurup Wang Berlesen	Gabenor Bank Negara
9.	Pemberi Pinjam Wang Berlesen Kedai Pajak Gadai	Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
10.	Servis & Membekal Alat Pemadam Api Menyimpan Gas Petroleum Cecair Menyimpan Petroleum (Skid Tank) Menyimpan Minyak Merbahaya Menyimpan Minyak Tidak Merbahaya Menyetor Gas	Kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sokongan Bomba
11.	Kedai Keranda	Sokongan Jiran
12.	Percetakan	Kebenaran / lesen daripada Kementerian Dalam Negeri
13.	Restoran Kedai makanan Hotel	Senarai nama / maklumat pekerja Salinan kad suntikan TY2 (pemohon dan pekerja) Salinan sijil kursus pengendalian makanan (pemohon dan pekerja) Gambar perangkap minyak yang dipasang dengan sempurna Salinan fosim Domestik (Pendaftaran dengan Kementerian Kesihatan Malaysia)
14.	Salun kecantikan Kedai gunting	Laporan pemeriksaan kesihatan
15.	Barang luhur	Lesen barang luhur daripada Ibu Pejabat Polis
16.	Video / VCD	Sijil FINAS Kebenaran / surat sokongan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
17.	Penternakan burung walet	Salinan kursus perusahaan sarang burung walet.

BIL.	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN
		Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Bomba</li> <li>• Jabatan Perkhidmatan Veterinar</li> </ul>
18.	Perusahaan burung walet	Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Bomba</li> <li>• Jabatan Perkhidmatan Veterinar</li> <li>• Jabatan Kesihatan</li> </ul>
19.	Kilang beras / kedai menjual beras	Salinan lesen runcit bagi kawalan padi dan beras daripada Kementerian Pertanian.
20.	Refleksologi / Rumahurut / SPA	Surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian Pelancongan</li> <li>• Jabatan Imegresen (jika perlu)</li> </ul>

## 11. SYARAT-SYARAT / KEPERLUAN PEMATUHAN SELEPAS PERMOHONAN (JIKA BERKAITAN)

### 11.1 SYARAT- SYARAT KELULUSAN LESEN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

BIL	PERKARA
1.	Tidak boleh menjalankan apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.
2.	Fi yang dibayar bagi lesen yang dikeluarkan tidak boleh dibayar balik.
3.	Pelesen hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis sekiranya berhenti mengendalikan premis tred, perniagaan dan perindustrian itu.
4.	Pelesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi.
5.	Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan di dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan di dalam tong sampah atau bekas sampah.
6.	Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.
7.	Tempat atau premis yang dilesenkan itu hendaklah disambungkan ke bekalan air awam.
8.	Pelesen hendaklah memastikan bahawa setiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung atau tuala bersih dan kertas tisu.
9.	Setiap tandas hendaklah disediakan dengan pili air dan baldi atau getah penyalur untuk bersuci.
10.	Pelesen hendaklah memastikan bahawa tandas dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.
11.	Pelesen hendaklah menyenggara setiap bahagian premis tred, perniagaan atau perindustrian termasuk tandas, pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan bersih pada setiap masa.
12.	Pelesen tidak boleh meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong karung atau benda atau lain-lain barang dibuang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
13.	Pelesen tidak boleh menyimpan atau meninggalkan apa-apa benda atau barang di sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
14.	Pelesen tidak boleh menjemur apa-apa benda makanan atau benda lain atau barang di mana-mana longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
15.	Pelesen tidak boleh membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa cecair masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
16.	Pelesen tidak boleh menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput kering, abu, sampah, tred, sampah atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
17.	Pelesen tidak boleh mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rumput, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
18.	Pelesen tidak boleh membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.
19.	Pelesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pencahayaan mencukupi disediakan.
20.	Pelesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang cukup di tempat dan premis berlesen itu dan hendaklah memastikan is dijaga dalam keadaan baik dan keadaan boleh digunakan.
21.	Pelesen hendaklah memastikan bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang mencukupi dan tangga serta jalan keluar yang mencukupi disediakan dan disenggarakan.
22.	Pelesen hendaklah memastikan bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada segala halangan;
23.	Pelesen hendaklah memastikan bahawa setiap pintu di dalamnya terbina dan dipasang supaya dapat dibuka dengan senang.



BIL	PERKARA
24.	Bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang rekabentuknya telah mendapat kelulusan.
25.	Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 23 darjah centigrade disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina.
26.	Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya .
27.	Pelesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah atau baungan dalam kawasan Majlis.
28.	Pelesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap, haba, gas, pancaran, bau, hiduan, getaran asap atau jelaga daripada tempat atau premis berlesennya yang boleh menyebabkan suatu kacau ganggu atau yang mencemarkan udara.
29.	Pelesen semasa menjalankan trednya tidak boleh membuat atau menyebabkan apa-apa kacau ganggu.
30.	Majlis boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tertentu tidak dibenarkan yang dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Majlis dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.
31.	Majlis boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan lesen jika terdapat mana-mana pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau mana-mana pelanggaran peruntukan Undang-undang Kecil ini. Tiada apa-apa di dalam Undang-undang Kecil ini boleh mengecualikan pemegang lesen daripada dikenakan tindakan pendakwaan.
32.	Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian.
33.	Pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang Majlis percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian
34.	Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian itu apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.
35.	Suatu lesen yang dikeluarkan ini tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran Majlis.
36.	Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.
37.	Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini.
38.	Pelesen ditegah meletakkan papan tanda / iklan di atas kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
39.	Pelesen ditegah meletakkan barang-barang jualan di kakilima dan tepi jalan yang boleh menyebabkan halangan.
40.	Pelesen dikehendaki menguruskan dengan sempurna sisa buangan daripada aktiviti tred, perniagaan atau perindustrial
41.	Pelesen dikehendaki menjelaskan tunggakan cukai taksiran/pintu
42.	Pelesen ditegah menjalankan kerja-kerja megetuk / membaiki kenderaan atau lain lain kerja yang boleh menimbulkan kacauganggu selepas jam 7.00 malam.
43.	Sebarang pengubahsuaian struktur atau penambahan premis hendaklah mendapat kebenaran / kelulusan Majlis.
44.	Pelesen dikehendaki menghapuskan semua tempat yang mungkin ada pembiakan nyamuk.
45.	Pelesen dikehendaki memperbaharui lesen sebelum atau pada tarikh tamat untuk mengelak daripada dikenakan denda.
	<b>SYARAT TAMBAHAN</b>
46.	Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.

BIL	PERKARA
47.	Ruang pejabat : memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain. Contoh: membuat penyusunan semula tempat duduk pekerja, membuat petak beratur dengan jarak 1 meter.
48.	Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung ( <i>face mask</i> ).
49.	Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan. Contoh: dengan menggunakan kotak / raga kecil ketika memberi baki duit kepada pelanggan atau menggalakkan bayaran secara elektronik.
50.	Menyediakan <i>hand sanitizer</i> untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis.
51.	Mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
52.	Peleasen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
53.	Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi.
54.	Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

## 11.2 SYARAT – SYARAT LESEN HOTEL, RUMAH TUMPANGAN

BIL	PERKARA
1.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan asas yang sempurna dan mencukupi seperti bilik tandas dan bilik air, bilik tidur, tempat dapur, dewan makan/minum, tempat sambutan (reception), bilik menunggu, stor dan tempat letak kereta.
2.	Hendaklah mempunyai tidak kurang dari sebuah tandas bagi setiap sepuluh orang penumpang atau setiap bilik tidur hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya katil, bilik tandas, tempat mandi, besen/sinki cuci tangan, tong sampah, almari dan meja.
3.	Bekalan perlampuan dan peredaran udara bagi tiap-tiap bilik dan tandas hendaklah seperti yang dibenarkan oleh Majlis Bandaraya Alor Setar.
4.	Alat-alat pencegahan kebakaran hendaklah disediakan seperti kehendak Jabatan Bomba. Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti ubat dan lain-lain alat perubatan yang perlu untuk kegunaan pekerja.
5.	Salinan peraturan-peraturan dalam Bahasa Melayu dan lain-lain bahasa yang dibenarkan oleh Majlis hendaklah dipaparkan di tempat yang senang dilihat oleh semua penumpang.
6.	Tiap-tiap Rumah Tumpangan/Hotel hendaklah sentiasa di jaga supaya berada didalam keadaan bersih dan dibekalkan dengan kemudahan yang sempurna.
7.	Persundalan atau orang-orang yang berkelakuan jahat tidak dibenarkan menumpang atau berjumpa didalamnya.
8.	Perjudian, mabuk atau sebarang kelakuan tidak senonoh tidak dibenarkan didalamnya.
9.	Hiburan tidak boleh diadakan untuk orang ramai didalam mana-mana Rumah Tumpangan/Hotel yang diberi lesen dibawah kaedah-kaedah ini kecuali dengan kebenaran Ketua Polis atau seorang Pegawai yang diberi kuasa bertulis demikian olehnya dan mesyuarat parti politik tidak boleh diadakan tanpa kebenaran Pendaftaran atau Timbalan Pendaftaran.
10.	Mesyuarat mana-mana Syarikat Pendaftar tidak dibenarkan didalam Rumah Tumpangan/Hotel tanpa kebenaran Majlis dan kebenaran tersebut tidak boleh diberikan tanpa di rujuk kepada Pendaftar Pertubuhan.
11.	Hendaklah menyimpan sesuatu daftar yang mesti diisi dengan butir-butir Rumah Tumpangan/Hotel. Butir-butir yang diutamakan adalah seperti berikut :- Nama, No, Kad Pengenalan, Alamat Tempat Tinggal dan Umur. Tarikh dan masa ketibaan dan meninggalkan Rumah Tumpangan/Hotel.
12.	Pemegang lesen sesebuah Rumah Tumpangan/Hotel tidak boleh membenarkan mana-mana orang menumpang didalam mana-mana biliknya yang telah terjadi kes penyakit sehingga bilik tersebut dibersihkan dengan sepuas hati Pegawai Kesihatan.
13.	Pelesen hendaklah melaporkan kematian mana-mana orang yang menumpang atas kejadian penyakit merbahaya kepada Pegawai Penjaga Balai Polis yang berdekatan dengan segera.
14.	Semua alat-alat pemadam api harus diperiksa dan disahkan oleh Jabatan Bomba. (Mengemukakan salinan resit Bomba).
15.	Dinding-dinding dan siling bangunan hendaklah di cat sempurna.
16.	Hendaklah menyediakan sebuah peti kecemasan yang lengkap. (Mengemukakan salinan resit pembelian peti kecemasan).
17.	Pemegang lesen yang mengetahui bahawa mana-mana orang yang menumpang di Rumah Tumpangan/Hotel mengidap penyakit berjangkit hendaklah melaporkan kepada Pegawai Kesihatan dengan segera.
18.	Hendaklah mengadakan tong-tong sampah yang sempurna untuk mengisi segala-gala sampah sarap. Karung Plastik hendaklah digunakan sepenuhnya.
19.	Sebarang perniagaan dan penyediaan makanan/minuman hendaklah mendapat lesen dari Majlis Bandaraya Alor Setar terlebih dahulu.
20.	Semua cadar-cadar dan sarung bantal, kain selimut, tuala mandi, kain langsir yang koyak dan kotor hendaklah di ganti.
21.	Perkakas dan alat-alat seperti kerusi, meja, almari dan lain-lain peralatan yang rosak dan kotor hendaklah di ganti.
22.	Tiap-tiap pelanggan hendaklah dibekalkan dengan sepasang kasut selipar untuk kegunaan di tandas.

BIL	PERKARA
23.	Semua ruang bilik dan lain-lain tempat di premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
24.	Semua pengendali makanan hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan dan layak mengendali makanan.
25.	Mengadakan serobong asap 'chimney' dan kipas 'ekhaust' di dapur dan lain-lain tempat memasak premis.
26.	Dapur hendaklah mempunyai perparitan dan perangkap minyak/lemak yang sempurna.
27.	Semua tempat atau ruang menyimpan, menyediakan, memasak, menghidang makanan/minuman, tempat mencuci pinggan mangkok, besen, sinki, pusat tong sampah dan mana-mana tempat yang basah hendaklah disudahi bahan kalis dan senang di cuci seperti jubin, kaca, keluli, mamar dan bahan yang sama jenisnya.
28.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna serta keadaan bersih.
29.	Tidak dibenarkan meletak makanan diatas lantai dan makanan/minuman hendaklah sentiasa bersih dan bebas dari kotoran.
30.	Bekalan air dan elektrik yang sempurna hendaklah disediakan di tiap-tiap buah bilik.
31.	Hendaklah menyediakan lampu yang mencukupi untuk ruang laluan untuk kemudahan pelanggan.
32.	Permaidani di bahagian lantai yang koyak dan kotor hendaklah diganti.
33.	Peti sejuk yang disediakan hendaklah sentiasa dibersihkan.
34.	Langkah-langkah untuk mengawal segala jenis serangga seperti lipas, lalat, tikus dan lain-lain hendaklah diadakan.
35.	Ruang lobi hendaklah dihiaskan dengan pokok-pokok bunga dan lain-lain perhiasan. Tanaman pokok teduhan dan pokok bunga adalah digalakkan.
36.	Kawasan tangga dan pintu kecemasan hendaklah sentiasa dikosongkan bagi kegunaan pelanggan apabila berlaku kecemasan.
37.	Menyediakan pelan laluan kecemasan pada premis dan di setiap bilik bagi tujuan apabila berlaku kecemasan.
38.	Mempamerkan petunjuk arah Kiblat bagi setiap bilik.
39.	Menyediakan tanda "KELUAR" (berlampu) di pintu-pintu laluan keluar.
40.	Salinan surat kebenaran/sokongan daripada Jabatan Bomba.
41.	Salinan surat kelulusan pindaan/pengubahsuaian bangunan daripada Bahagian Bangunan, Majlis Bandaraya Alor Setar.
42.	Mengemukakan salinan surat kelulusan kebenaran Merancang daripada Bahagian Perancang MBAS, Tingkat 8, Menara MBAS.
43.	Mengemukakan gambar/lakaran iklan dan ukuran papan iklan jika ada.
<b>SYARAT TAMBAHAN</b>	
44.	Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
45.	Ruang pejabat : memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain. Contoh: membuat penyusunan semula tempat duduk pekerja, membuat petak beratur dengan jarak 1 meter.
46.	Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung ( <i>face mask</i> ).
47.	Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan. Contoh: dengan menggunakan kotak / raga kecil ketika memberi baki duit kepada pelanggan atau menggalakkan bayaran secara elektronik.
48.	Menyediakan <i>hand sanitizer</i> untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis.
49.	Mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
50.	Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
51.	Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi.

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
52.	Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

### 11.3 SYARAT-SYARAT KESIHATAN BAGI LESEN PREMIS MAKANAN

BIL	PERKARA
1.	Semua pekerja dikehendaki menjalankan pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu.
2.	Semua pekerja hendaklah mengamalkan kebersihan diri sendiri dengan memakai pakaian yang bersih dan berkuku pendek.
3.	Dinding-dinding di ruang dewan dan dapur hendaklah diperbuat dari batu mamar (glazed tiles) sekurang-kurangnya 1.5 meter tinggi paras lantai.
4.	Lantai di bahagian dewan makan dan bilik dapur hendaklah di turap dengan 'mosaic', jubin bata, mamar atau bahan lain yang sesuai dan mudah dicuci dan bersih dipandang.
5.	Kesemua permukaan meja dan kerusi-kerusi hendaklah diperbuat daripada fomica atau bahan-bahan seumpamanya.
6.	Dilarang mempamerkan gambar-gambar iklan yang menjolok mata di dinding.
7.	Hendaklah mengadakan cerobong asap (smoke hood flow) dan kipas penyedut (extractor fan) di bahagian dapur jika perlu.
8.	Gunakan bekalan air paip sahaja untuk menyediakan makanan dan membasuh perkakas-perkakas dan benda-benda makanan.
9.	Sediakan sebuah sink dengan bekalan air paip di tempat yang sesuai di bahagian dapur bagi kegunaan mencuci alat-alat.
10.	Hendaklah menyediakan tong sampah yang bertudung di bahagian dapur.
11.	Tidak dibenarkan memasak atau menyediakan makanan dan minuman di luar bangunan kedai.
12.	Bilik air dan tandas hendaklah sentiasa dibersihkan.
13.	Hendaklah menyediakan sebuah bilik setor semua barang-barang di dalam setor tersebut hendaklah disimpan dalam keadaan teratur dan kemas.
14.	Semua makanan sama ada yang telah dimasak atau belum dimasak hendaklah dijaga supaya tidak dicemari oleh habuk-habuk, kekotoran, tikus, lipas, lalat atau lain-lain serangga.
15.	Semua jenis makanan yang diletak untuk dijual tidak dibenarkan di sentuh dengan tangan atau jari tetapi hendaklah menggunakan alat-alat seperti penyepit, penyeduk, copstick, sudu / garpu atau lain-lain yang seumpamanya.
16.	Peti sejuk hendaklah sentiasa dibersihkan.
17.	Dinding-dinding dan syiling seluruh bahagian kedai hendaklah disapu dengan cat.
18.	Hendaklah meletakkan tong sampah yang sempurna bagi kegunaan kedai.
19.	Kad-kad lesen dan plet-plet lesen hendaklah dipamerkan di ruang kedai.
20.	Mengemukakan salinan surat perjanjian sewa / pembelian bangunan kedai untuk pertimbangan majlis.
21.	Hendaklah membuat permohonan lesen papan iklan kepada majlis.
22.	Sebarang penjualan apa-apa jenis minuman keras atau yang memabukkan melalui kedai ini adalah tidak disokong.
23.	Tidak dibenarkan memasang dan memainkan apa-apa jenis alat pembesar suara atau peralatan muzik di dalam kedai tersebut.
24.	Tidak dibenarkan membasuh, memasak atau meletakkan apa-apa barang dan perkakas kepunyaan kedai di sebelah, tepi dan belakang kedai.
25.	Sebarang bentuk perjudian adalah diharamkan.
26.	Dilarang menggunakan dapur dari jenis arang dan minyak tanah untuk tujuan memasak di kedai ini.
27.	Hendaklah menjelaskan segala tunggakan hasil pintu (jika ada).
28.	Semua pekerja yang mengendalikan makanan hendaklah memakai apron dan topi / penutup kepala.
29.	Sebarang pengubahsuaian bangunan hendaklah mendapat kebenaran bahagian bangunan mbas terlebih dahulu. ( sila kemukakan salinan surat kebenaran kepada bahagian pelesenan, mbas ).
30.	Pelesenan hendaklah menjaga keselamatan semua pokok-pokok atau tanaman yang berhampiran dengan bangunan tempat perniagaan tuan/puan.
31.	Hendaklah mengadakan besen basuh tangan untuk kegunaan pelanggan di tempat yang sesuai (dewan makan).

BIL	PERKARA
32.	Dilarang merokok semasa menyediakan / menguruskan sebarang makanan dan minuman.
33.	Hendaklah memakai baju berlengan semasa berniaga dan memasak.
34.	Dikehendaki memasang perangkap minyak untuk mengawal lemak dari sisa makanan mengalir terus ke dalam longkang.
35.	Memasang papan tanda harga makanan dan minuman di bahagian hadapan kedai untuk kemudahan pelanggan.
36.	Dikehendaki menghadiri kursus pengendalian makanan yang disyorkan oleh kementerian kesihatan.
37.	Waktu operasi perniagaan bagi perniagaan makanan islam pada bulan ramadhan dibenarkan bermula jam 3.00 petang.
38.	Hendaklah mengemukakan salinan permit hiburan dari pejabat daerah (jika ada).
39.	Mengemukakan salinan resit pemadam api dari jabatan bomba.
40.	Mengemukakan salinan resit pembelian peti kecemasan.
41.	Mengemukakan permohonan permit sementara kerusi / meja tambahan di luar premis (jika ada).
42.	Mengemukakan salinan pendaftaran premis makanan 'fosim' dengan kementerian kesihatan malaysia.
43.	Dikehendaki mempamerkan papan tanda "dilarang merokok" di dalam premis.
44.	Melaksanakan kempen "go green", hari tanpa beg plastik / penyedut minuman (straw) di premis makanan.
<b>SYARAT TAMBAHAN</b>	
45.	Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
46.	Ruang pejabat : memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain. Contoh: membuat penyusunan semula tempat duduk pekerja, membuat petak beratur dengan jarak 1 meter.
47.	Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung ( <i>face mask</i> ).
48.	Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan. Contoh: dengan menggunakan kotak / raga kecil ketika memberi baki duit kepada pelanggan atau menggalakkan bayaran secara elektronik.
49.	Menyediakan <i>hand sanitizer</i> untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis.
50.	Mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
51.	Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
52.	Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi.
53.	Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

#### 11.4 SYARAT-SYARAT LESEN PASAR MINI / KEDAI RUNCIT

<b>A.</b>	<b>PREMIS</b>
1.	Premis perniagaan hendaklah dijaga didalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa. Mana-mana bahagian yang sudah rosak dan kotor perlulah diperbaiki, dibersihkan dan dicat semula.
2.	Sebarang tambahan atau ubahsuai bangunan hendaklah mendapat kebenaran jabatan bangunan mbas terlebih dahulu.
3.	Tidak dibenarkan meletakkan apa-apa barangan kepunyaan pasaraya/pasarmini dan kedai runcit di atas mana-mana tempat awam disekitar premis perniagaan seperti kaki lima, longkang, lorong belakang, jalan susur dan lain sebagainya.
4.	Langkah-langkah pencegahan perlulah diambil untuk mencengah hurungan tikus dan seranggan perosak dalam kawasan premis perniagaan.
5.	Tidak dibenarkan membawa masuk dan memelihara binatang peliharaan seperti anjing, kucing dan burung di dalam kawasan premis.
<b>B.</b>	<b>KEMUDAHAN ASAS</b>
1.	Kemudahan sanitasi seperti tandas, bilik air, tempat membasuh tangan, urinal dan seumpamanya. Jika disediakan hendaklah dijaga supaya dalam keadaan bersih dan seumpama pada setiap masa.
2.	Menyediakan tong sampah yang sempurna dan mencukupi serta menggunakan karung plastik bagi pembuangan sampah-sarap perniagaan.
3.	Semua sampah-sarap hendaklah dibuang di tempat yang dibenarkan oleh pihak majlis.
<b>C.</b>	<b>KESELAMATAN DAN ALAT KECEMASAN</b>
1.	Sekurang-kurangnya disediakan sebuah peti ubat yang lengkap dengan peralatannya.
2.	Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi serta diakui sah oleh jabatan bomba. Resit h13 daripada jabatan bomba hendaklah dipamerkan.
3.	Pintu kecemasan atau pintu rintangan api yang disediakan hendaklah berada didalam keadaan yang mudah dibuka dengan tidak dikunci sewaktu perniagaan dijalankan tanpa sebarang halangan. Ruang lobi disekitar tangga kecemasan/lif bomba (jika ada) tidak dibenarkan digunakan sebagai tempat menyimpan barang-barang dan hendaklah dikosongkan pada setiap masa.
<b>D.</b>	<b>BARANG-BARANG JUALAN</b>
1.	Semua jenis makanan dan minuman yang dijual hendaklah mematuhi mutu dan piawaian seperti yang telah ditetapkan didalam akta makanan 1983 dan peraturan-peraturan makanan 1985.
2.	Semua makanan untuk jualan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dari hurungan lalat, bermin, serangga, habuk, kekotoran atau bahan atau benda lain yang merosakkan.
3.	Mana-mana pasaraya/pasarmini yang terdapat didalamnya daging atau ikan yang dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamer atau didedahkan untuk jualan, dindingnya hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai yang permukaannya dari jubin gilap, batu-bata gilap atau bahan hakis air.
4.	Barang-barang yang dipamerkan untuk jualan hendaklah diatur dan disusun di dalam keadaan yang tidak membahayakan keselamatan pelanggan terutama kanak-kanak.
5.	Bagi jualan gas memasak perlu dapatkan surat sokongan daripada kementerian perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan (kpdnkk) serta perlu mendapatkan lesen menjual gas daripada bahagian pelesenan majlis bandaraya alor setar (mbas).
<b>E.</b>	<b>PERKAKAS, PERALATAN, MESIN DAN JENTERA</b>
1.	Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk menjual daging atau ikan hendaklah diliputi marmar, jubin gilap, keluli berkilat, aluminium kaca atau bahan yang seumpamanya.
2.	Mesin dan jentera yang digunakan hendaklah berada di dalam keadaan selamat dan penggunaannya diperakukan oleh jabatan kilang dan kejenteraan.
<b>F.</b>	<b>SYARAT-SYARAT PEKERJA</b>
1.	Semua pekerja hendaklah berpakaian kemas, sesuai dan bersih semasa bekerja.
2.	Tiada apa-apa barangan dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasaraya/pasarmini, kedai runcit selain dari suatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu.
<b>G.</b>	<b>PENALTI</b>



1.	Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut di atas atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan majlis boleh mengambil tindakan kompaun, merampas atau tindakan mahkamah.
2.	Seseorang yang menjalankan perniagaan di premisnya tanpa mempunyai lesen yang sah dari majlis bandaraya alor setar adalah melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari semasa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.
<b>H.</b>	<b>SYARAT TAMBAHAN</b>
1.	Dikehendaki mempamerkan notis “larangan dijual kepada orang islam” untuk premis yang menjual minuman atau makanan yang tidak halal.
2.	Semua jenis minuman atau makanan yang tidak halal hendaklah diasingkan dari produk halal.
3.	Pelesenan yang beragama Islam dilarang sama sekali menjual makanan atau minuman tidak halal.
4.	Pelesen hendaklah membuat saringan suhu badan pekerja, pelanggan dan pembekal.
5.	Ruang pejabat : memastikan susunan tempat duduk pekerja mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain. Contoh: membuat penyusunan semula tempat duduk pekerja, membuat petak beratur dengan jarak 1 meter.
6.	Pemilik perniagaan / pekerja hendaklah mengamalkan rutin kesihatan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung ( <i>face mask</i> ).
7.	Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan. Contoh: dengan menggunakan kotak / raga kecil ketika memberi baki duit kepada pelanggan atau menggalakkan bayaran secara elektronik.
8.	Menyediakan <i>hand sanitizer</i> untuk kegunaan pelanggan yang berurusan di premis.
9.	Mencatatkan nama, alamat dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan.
10.	Pelesen perlu menetapkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa dan menghadkan laluan keluar masuk pelanggan ketika beroperasi. Ianya adalah bagi mengelakkan pengumpulan orang awam pada masa tersebut.
11.	Melakukan proses nyahkuman dan pembersihan sebelum dan selepas operasi.
12.	Mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

## 11.5 SYARAT-SYARAT LESEN ESTABLISYMEN MAKANAN

<b>LESEN</b>
1. Lesen yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Bandaraya Alor Setar hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa. (SEKSYEN 107 AKTA 171).
2. Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun.
3. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
4. Adalah diingatkan juga Majlis Bandaraya Alor Setar boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab. selain daripada kehendak syarat-syarat yang tersebut, Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa ke semasa mengikut keadaan (SEKSYEN 107 (3) AKTA 171).
<b>KEMUDAHAN ASAS</b>
5. Kemudahan sanitasi seperti tandas, bilik air, tempat membasuh tangan, urinal dan sebagainya hendaklah disediakan dan dijaga dalam keadaan yang bersih dan sempurna pada setiap masa.
6. Menyediakan tong sampah yang sempurna dan mencukupi serta menggunakan karung plastik bagi pembuangan sampah perniagaan.
<b>KESELAMATAN DAN ALAT KECEMASAN</b>
7. Sekurang-kurangnya sebuah peti ubat yang lengkap hendaklah disediakan.
8. Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi serta diakui sah oleh Jabatan Bomba. Resit H13 daripada Jabatan Bomba hendaklah dipamerkan.
<b>SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN</b>
9. Perniagaan kilang/kedai establisymen makanan hanya dibenarkan dijalankan di kawasan atau premis yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Bandaraya Alor Setar atau kerajaan.
10. Bangunan premis hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa. Mana-mana bahagian yang sudah rosak dan kelihatan kotor perlulah diperbaiki dan disapu cat/kapur semula.
11. Semua sambungan dan perubahan yang hendak dibuat ke atas bangunan asal hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran pihak Majlis.
